



# **UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN**



## **OBJEKTIF**


### **Objektif am :**

**Menerangkan kepada pelajar apakah yang dimaksudkan dengan perkongsian, ciri-ciri perkongsian, dan beza perkongsian dengan syarikat.**

### **Objektif khusus:**

- a. Menjelaskan maksud perkongsian**
- b. Membezakan perkongsian dengan perbadanan**
- c. Mengenalpasti kewujudan perkongsian**





#### **4.0 PENGENALAN**

Akta yang dirujuk ialah Akta Perkongsian 1961 (AP 1961) yang diperluaskan pemakaianya ke seluruh Malaysia melalui pindaan yang dibuat pada tahun 1974. Seksyen 47(1) AP menyarankan penggunaan Ekuiti dan Common Law English yang digunakan dalam perkongsian diteruskan penggunaannya, melainkan sekiranya ia tidak konsisten dengan peruntukan akta ini.

#### **4.1 DEFINISI PERKONGSIAN**

Seksyen 3(1) AP 1961 mentakrifkan perkongsian sebagai suatu *perhubungan* yang wujud di antara *orang-orang* yang menjalankan *perniagaan bersama* bagi maksud *mendapatkan keuntungan*.

#### **CIRI-CIRI PERKONGSIAN**

##### **Perhubungan**

Perhubungan di antara beberapa orang perlu ada bagi mewujudkan perkongsian, ini bermaksud perhubungan perniagaan yang dibuat mestilah secara nyata atau tersirat antara pekongsi-pekongsi. *Kes Keith Spicer Ltd lwn Mansell (1970) 1 WLR 333* di

**UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN  
P2114 / UNIT 4 / 3**

---

---

mana di dalam kes ini diputuskan perkongsian tidak wujud sungguhpun kerja-kerja awal telahpun dilakukan seperti membuka akaun di bank dan membuat tempahan barang-barang, ia bukanlah satu bukti yang cukup untuk menunjukkan perniagaan itu sedang dijalankan.

**Bilangan Pekongsi**

Bilangan minima bagi perkongsian adalah 2 orang. Menurut Seksyen 14 (3)(b) Akta Syarikat 1965 (AS 1965) dan Seksyen 47 (2) AP 1961 memperuntukkan bilangan maksima bagi perkongsian ialah 20 orang.

Kes *Tan Teck Hee lwn Cheng Tian Peng (1915) 2 F.M.S.L.R. 161* di mana mahkamah memutuskan bahawa disebabkan firma menjalankan perniagaan dengan 25 orang ahli maka ia adalah tidak sah.

Walau bagaimanapun bagi perkongsian professional, bilangan ahlinya boleh melebihi 20 orang seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 14 (3) (a) AS 1965.

**Perniagaan**

Seksyen 2 AP 1961 mendefinisikan perniagaan sebagai meliputi setiap tred, pekerjaan atau profesion. Walau bagaimanapun, takrifan ini tidak menerangkan secara terperinci maksud perniagaan yang sebenarnya. Oleh yang demikian, sebarang pertikaian perlulah dirujuk kepada mahkamah.

Contoh kes *Customs & Excise Commissioner lwn Lord Fisher (1981) 2 ALL ER 262* di mana satu rancangan menembak burung telah diadakan di antara beberapa orang kawan dan saudara-mara yang dikenakan bayaran diputuskan oleh mahkamah sebagai bukan suatu perniagaan.

Kes *Malayandi Chetty lwn Narayanan Chetty 36 IC 225*, mahkamah memutuskan bahawa usaha memberi pinjaman oleh Chetty adalah satu perniagaan.

**Keuntungan**

Seksyen 3(1) memperuntukkan perniagaan yang dijalankan perlulah dengan maksud untuk mendapatkan keuntungan. Di dalam kes *Re Spanish Prospecting Co Ltd*



## UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN

### P2114 / UNIT 4 / 4


---

**(1911) 1 Ch 92**, di mana hakim Fletcher Moulton memutuskan bahawa keuntungan adalah membuat perbezaan kedudukan perniagaan di antara dua tarikh tertentu dalam masa satu tahun.

Seksyen 3(2) pula memperuntukkan keadaan di mana perhubungan antara ahli-ahli syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 atau persatuan koperatif di bawah mana-mana undang-undang koperasi ataupun di bawah mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa di Malaysia atau di bawah sesuatu surat kurnia, Piagam Diraja atau Akta Parlimen United Kingdom bukanlah merupakan suatu perkongsian di bawah AP 1961.

Seksyen 4 AP 1961 pula memperuntukkan beberapa situasi yang mempengaruhi perkongsian, selain daripada apa yang dinyatakan di bawah seksyen 3 AP.

Rajah 4.1 di bawah meringkaskan ciri-ciri perkongsian.



Rajah 4.1 : Ciri-ciri perkongsian

**UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN  
P2114 / UNIT 4 / 5**

---




**AKTIVITI 4a**

1. Apakah yang dimaksudkan oleh Seksyen 3(1) Akta Perkongsian 1961 ?
  
  
  
  
  
2. Perlukah sesuatu perniagaan perkongsian tersebut membuktikan yang ianya membuat keuntungan untuk menepati ciri-ciri perkongsian ?



**UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN  
P2114 / UNIT 4 / 6**

---



1. Seksyen 3(1) AP 1961 mendefinisikan perkongsian sebagai suatu perhubungan yang wujud di antara beberapa orang bagi maksud menjalankan perniagaan bersama untuk mendapatkan keuntungan.
  
  
  
  
  
  
2. Seksyen 3 (1) memperuntukkan bahawa perkongsian mestilah berbentuk sebuah perniagaan yang bertujuan untuk mendapatkan keuntungan, niat untuk mendapatkan keuntungan adalah memadai dan tidak perlu untuk membuktikan bahawa perniagaan membuat keuntungan.



**UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN  
P2114 / UNIT 4 / 7****INPUT 4b****4.2 PERBEZAAN DENGAN PERBADANAN****a. Bilangan Keahlian**

Menurut Seksyen 14 (3)(b) Akta Syarikat 1965 (AS 1965) dan Seksyen 47 (2) AP 1961 memperuntukkan bilangan maksima bagi perkongsian ialah 20 orang. Walau bagaimanapun bagi perkongsian professional, bilangan ahlinya boleh melebihi 20 orang seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 14 (3) (a) AS 1965. Manakala bagi perbadanan jumlah maksima tidak dihadkan kecuali bagi syarikat persendirian tidak melebihi 50 orang.

**b. Keupayaan untuk memiliki atau memegang harta**

Aset-aset sesebuah perkongsian adalah kepunyaan rakan-rakan kongsi firma perkongsian tersebut tetapi bagi perbadanan, aset-aset adalah kepunyaan syarikat sendiri dan bukannya kepunyaan ahli-ahli syarikat.

**c. Tanggungan ahli terhadap hutang**

Rakan kongsi adalah bertanggungan secara peribadi terhadap hutang-hutang mereka (liabiliti tidak terhad) manakala bagi perbadanan pula liabiliti / hutang perbadanan adalah merupakan hutang perbadanan itu sendiri dan ahli-ahli tidak bertanggungan secara peribadi.

**UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN**  
**P2114 / UNIT 4 / 8**


---



---

**d. Tindakan bagi prosiding undang-undang**

Perkongsian tidak mempunyai personaliti perundangan maka segala tindakan undang-undang diambil atas nama peribadi ahli-ahli pekongsi. Bagi perbadanan pula tindakan undang-undang adalah diambil atas nama perbadanan itu sendiri.

**e. Jangkamasa hayat dan pembubaran**

Jangkamasa hayat bagi sesebuah perbadanan adalah berdasarkan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965 manakala bagi perkongsian adalah bergantung kepada perjanjian di antara rakan kongsi.

	PERKONGSIAN	PERBADANAN
Keahlian	Seksyen 14 (3)(b) Akta Syarikat 1965 (AS 1965) dan Seksyen 47 (2) AP 1961 – Ahli Maksimum 20 orang  Seksyen 14 (3) (a) AS 1965 – Perkongsian Profesional bilangan ahli boleh melebihi 20 orang	Keahlian tidak terhad kecuali syarikat persendirian tidak melebihi 50 orang
Keupayaan untuk memiliki atau memegang harta	Aset kepunyaan rakan kongsi	Aset kepunyaan firma atau syarikat
Tanggungan hutang	Hutang ke atas rakan kongsi	Hutang ke atas syarikat
Tindakan bagi prosiding undang-undang	Tindakan diambil atas rakan kongsi	Tindakan diambil atas syarikat
Jangkamasa hayat dan pembubaran	Perjanjian Perkongsian	Akta Syarikat 1965



**UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN  
P2114 / UNIT 4 / 9**

---



**AKTIVITI 4b**

1. Apakah yang dinyatakan oleh Seksyen 14 (3)(b) Akta Perkongsian 1961 mengenai syarat keahlian ?
2. Bagaimanakah perkongsian dan perbadanan dibezakan dari segi tanggungan ahli terhadap hutang?
3. Apakah yang dimaksudkan dengan liabiliti / tanggungan rakan kongsi yang tidak terhad ?



**UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN  
P2114 / UNIT 4 / 10**

---



**MAKLUM BALAS 4b**

1. Minima 2 orang dan maksima 20 orang.
2. Perkongsian – rakan-rakan kongsi sama-sama bertanggungan  
Perbadanan- ahli-ahli tidak bertanggungan
3. Rakan kongsi merupakan pemilik kepada perkongsian, oleh itu segala tanggungan / liabiliti akan ditanggung secara peribadi oleh rakan-rakan kongsi.





#### **4.3 UJIAN-UJIAN KEWUJUDAN PERKONGSIAN**

- a. Tenansi bersama, harta bersama atau harta am tidak dengan sendirinya mewujudkan suatu perkongsian samada tenansi atau pemunya menerima atau tidak menerima apa-apa bahagian keuntungan yang diperolehi melalui penggunaannya. Peruntukan ini terkandung di dalam Seksyen 4(a) AP 1961.

Kes *French lwn Strying (1857) NS 357*

Mahkamah memutuskan bahawa beberapa orang yang memiliki secara bersama seekor kuda lumba bukan dianggap sebagai pekongsi.

- b. Pembahagian pulangan kasar tidak dengan sendirinya mewujudkan suatu perkongsian. Seksyen 4(b) AP 1961. Kes *Lyons lwn Knowles 3 B & S 556*, di mana tuan punya panggung dan pengurusnya yang berkongsikan pulangan kasar bukan dianggap sebagai pekongsi.
- c. Berkongsi keuntungan bersih perniagaan adalah bukti prima facie bahawa beliau adalah seorang pekongsi perniagaan itu. Walau bagaimanapun kenyataan itu boleh disangkal dengan alasan-alasan tertentu. Ini dinyatakan di bawah seksyen 4 ( c ) AP 1961 iaitu seseorang atau suatu bahagian daripada keuntungan urusan adalah keterangan prima facie bahawa dia ialah seorang pekongsi dalam firma itu, tetapi penerimaan bahagian sedemikian tidak dengan sendirinya menjadikannya seorang pekongsi dalam urusan itu.

## UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN

### P2114 / UNIT 4 / 12

---

Kes *Murray lwn David (1930) SSLR 229*, plaintif telah melakukan 3 urusan dengan defendant, mahkamah, setelah meneliti ketiga-tiga urusan yang dibuat, mendapati bahawa tidak terdapat perjanjian untuk pembahagian keuntungan dalam urusan pertama dan kedua, tetapi dalam urusan ketiga mahkamah mendapati terdapat perjanjian pembahagian keuntungan. Berdasarkan perjanjian ketiga itu mahkamah memutuskan bahawa plaintif adalah merupakan pekongsi dengan defendant bagi urusan ketiga sahaja.

Keadaan-keadaan yang tidak mewujudkan perkongsian tersebut boleh dijelaskan oleh lima keadaan seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 4.1 di bawah :

<b>Seksyen</b>	<b>Penerangan</b>	<b>Contoh kes</b>
Sek 4 ( c )(i)	<p><b>Penerimaan balik bayaran hutang</b> Mengatakan penerimaan oleh seseorang suatu hutang atau lain-lain amaun tertentu jumlahnya secara ansuran atau sebaliknya daripada keuntungan yang terakru bagi suatu urusan tidak dengan sendirinya menjadikan ia seorang pekongsi dalam urusan itu.</p>	<p>Kes <i>Badeley lwn Consolidated Bank (1888) Ch</i> di mana mahkamah memutuskan bahawa pinjaman B kepada C adalah pada hakikatnya bertujuan sebagai pinjaman yang diberi cagaran. Sungguhpun B menerima sebahagian keuntungan perniagaan itu, ia tidak menjadikan B pekongsi dengan C.</p>
Sek 4 ( c )(ii)	<p><b>Kontrak pembayaran gaji pekerja</b> Menjelaskan bahawa suatu kontrak bagi saraan seorang ejen pekerja yang menjalani suatu urusan dengan menerima suatu bahagian daripada keuntungan urusan itu tidak dengan sendirinya menjadikan ejen pekerja itu seorang pekongsi dalam urusan itu.</p>	<p>Kes <i>Walker lwn Hirsch (1884) 27 Ch.D 460</i>, dalam kes ini plaintif adalah bekas kerani di sebuah firma yang telah memberikan pinjaman sebanyak 1500 pound sterling kepada firma dengan persetujuan pinjaman tersebut dibayar balik secara diberi gaji 180 pound sterling dan satu perlapan daripada keuntungan bersih. Mahkamah memutuskan bahawa plaintif bukanlah pekongsi dalam firma tersebut walaupun wang pembayaran gaji adalah diambil daripada perniagaan perkongsian itu.</p>
Sek 4 ( c )(iii)	<p><b>Pembayaran anuiti kepada balu / anak pekongsi</b> Menyatakan bahawa seseorang balu atau anak</p>	<p>Kes <i>I.R.C. lwn Lebus's Trustees (1946) 1 All. E.R. 476</i>, dalam kes ini seorang pekongsi yang</p>



# UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN

## P2114 / UNIT 4 / 13

---

	<p>kepada pekongsi yang telah mati dan menerima melalui anuiti sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi dalam urusan di mana simati adalah pekongsi, bukan seorang pekongsi dalam urusan itu.</p>	<p>meninggal dunia telah mewariskan saham dalam firma kepada balunya. Siisteri menuntut supaya aset firma diserahkan kepadanya kerana kegagalan firma membayar anuiti. Mahkamah memutuskan bahawa aset firma bukanlah milik siisteri. Dia hanya berhak menerima anuiti daripada keuntungan perniagaan sahaja dan tidak menjadikannya seorang pekongsi.</p>
Sek 4 ( c ) (iv)	<p><b>Kontrak pembayaran melalui keuntungan tidak tetap</b> Menyatakan bahawa pendahuluan wang secara pinjaman kepada seorang yang menjalani suatu urusan atas suatu kontrak dengan orang itu bahawa pemberi pinjaman hendaklah menerima suatu kadar bunga mengikut keuntungan yang berbangkit daripada menjalankan urusan itu, tidak dengan sendirinya membuatkan pemberi pinjam itu seorang pekongsi</p>	<p>Dalam kes <i>Re Young (1896) 2 Q.B. 484</i>, terdapat kontrak bertulis antara A dan B dimana A meminjamkan wang kepad B dan sebagai pulangannya A menerima bayaran daripada keuntungan pada setiap minggu. Mahkamah memutuskan bahawa A bukanlah pekongsi tetapi hanyalah orang yang menerima pembahagian keuntungan mengikut istilah di dalam Akta Perkongsian.</p>
Sek 4 ( c ) (v)	<p><b>Penjualan nama baik perniagaan</b> Memperuntukkan seseorang yang menerima melalui anuiti atau sebaliknya, sebahagian daripada keuntungan urusan sebagai balasan kepada jualan nama baik perniagaannya kepada seseorang yang lain dan wang pembayaran adalah diambil dari keuntungan perniagaan nama baik tersebut, maka si penerima bayaran bukanlah seorang pekongsi.</p>	<p>Kes <i>Pratt Iwn Strick (1932) 17 T.C. 459</i> di mana seorang pengamal perubatan yang telah menjual perniagaannya kepada pembeli dan memperkenalkan bekas pelanggannya kepada pembeli hasil dari nama baik perniagaannya dan membahagi samarata keuntungan yang diperolehi telah diputuskan oleh mahkamah bahawa bukan dianggap rakan kongsi.</p>

Jadual 4.1 : Keadaan yang tidak mewujudkan perkongsian

### KONTRAK PERKONGSIAN

Perkongsian boleh terjadi sama ada secara bertulis atau lisan. Walau bagaimanapun perkongsian sebaiknya perlu dibuat secara bertulis.



**UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN  
P2114 / UNIT 4 / 14**

---

---

Artikel perkongsian yang dibuat secara bertulis perlu mengandungi maklumat-maklumat penting mengenai perkongsian bertujuan supaya :

- a. Tidak menimbulkan sebarang pertelingkahan di antara pekongsi kerana perjanjian telah dipersetujui oleh semua pekongsi.
- b. Tafsiran lebih tepat dan sesuai dapat dilakukan dengan melihat kepada niat pekongsi-pekongsi di dalam kontrak perkongsian tersebut.

Sekiranya perjanjian perkongsian tidak dibuat secara bertulis, Akta Perkongsian akan terpakai dengan sendirinya.



**UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN  
P2114 / UNIT 4 / 15**

---



**AKTIVITI 4c**

1. ‘Pemilikan bersama sesuatu harta atau aset tidak dengan sendirinya menunjukkan bahawa sesuatu perkongsian telah wujud’.

Dengan bantuan kes, adakah anda bersetuju dengan kenyataan ini ?

2. Seksyen 4 ( c ) memperuntukkan bahawa berkongsi keuntungan bersih adalah bukti prima facie bahawa beliau adalah pekongsi dalam perniagaan itu. Walau bagaimanapun anggapan ini telah disangkal oleh beberapa keadaan. Apakah keadaan itu dan nyatakan seksyen-seksyen yang terlibat ?



**UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN  
P2114 / UNIT 4 / 16**

---



**MAKLUM BALAS 4c**

1. Kes yang boleh dirujuk ialah French lwn Strying (1857) NS 357 yang mana mahkamah telah memutuskan bahawa beberapa orang yang memiliki secara bersama seekor kuda lumba bukan dianggap sebagai pekongsi.
  
2. Seksyen 4 ( c ) (i)  
Seksyen 4 ( c ) (ii)  
Seksyen 4 ( c ) (iii)  
Seksyen 4 ( c ) (iv)  
Seksyen 4 ( c ) (v)



**UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN  
P2114 / UNIT 4 / 17****PENILAIAN KENDIRI**

Tentukan samada Amin adalah seorang pekongsi dalam situasi di bawah dan nyatakan seksyen yang boleh menyokong jawapan anda :

- b. Ali, Abu dan Amin bersetuju untuk membuka sebuah kedai kain dan salah satu daripada terma-terma perjanjian di antara mereka telah mengecualikan Amin daripada berkongsi sebarang keuntungan bersih perniagaan tersebut.
- c. Amin, seorang penyanyi bersetuju untuk menerima daripada penerbit albumnya, 7% royaltidaripada keuntungan bersih jualan albumnya.
- d. Mimi, Fifi dan Nini adalah rakan-rakan kongsi yang menjalankan perniagaan runcit. Apabila Mimi meninggal dunia, Fifi dan Nini bercadang untuk mengambil Amin, iaitu suami Mimi, bekerja di kedai mereka dan Amin akan dibayar satu perlama daripada keuntungan bersih yang diperolehi.
- e. Amin bersetuju menjualkan kuih muih yang dibuat oleh Mak Yam dengan syarat Amin akan dibayar komisyen sebanyak 20 sen bagi setiap kuih yang berjaya dijual.
- f. Aminah dan Gayah adalah pemilik bersama sebuah rumah kedai. Mereka kemudiannya menyewakan rumah kedai tersebut kepada seorang kawan dan berkongsi sama rata wang sewaan yang diterima.

**UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN  
P2114 / UNIT 4 / 18**

---



**MAKLUM BALAS  
PENILAIAN KENDIRI**

- a. Tidak wujud perkongsian ~ Seksyen 3 (1) dan Seksyen 4 ( c ) AP1961
- b. Tidak wujud perkongsian ~ Seksyen 4 ( c ) (ii)
- c. Tidak wujud perkongsian ~ Seksyen 4 ( c ) (ii) dan (iii) AP1961
- d. Tidak wujud perkongsian ~ Seksyen 4 ( b )

